

BAB PERTAMA

SYEIKH DAUD AL-FATANI : RIWAYAT HIDUP,
PENDIDIKAN DAN KARYA-KARYA

BAB PERTAMA

SYEIKH DAUD AL-FATANI: RIWAYAT HIDUP, PENDIDIKAN DAN KARYA-KARYA

1.1 NAMA DAN KETURUNAN

Nama penuh beliau ialah Wan Daud bin Wan Abdullah bin Wan Idris. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Syeikh Daud Fatani. Beliau juga diberi gelaran *al- 'Ālim al- 'Allāmah al- 'Ārif al-Rabbānī*.¹

Bapa beliau ialah Wan Abdullah bin Wan Idris bin Tok Wan Abu Bakar bin Tok Kaya Pandak bin Andi Faqih Ali Datuk Maharajalela.²

Sementara ibunya pula ialah Wan Fatimah binti Wan Salamah bin Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi Faqih Ali Datuk Maharajalela.³

Keturunan beliau dari kedua belah ibubapanya bertemu pada Andi Faqih Ali Datuk Maharajalela. Menurut Wan Mohd. Shaghbir, Andi Faqih Ali adalah dari keturunan Sultan Muzaffar Syah yang juga adalah saudara kandung Syarif Hidayatullah (lebih dikenali dengan panggilan Sunan Gunung Jati) dan berketurunan dari Nabi Muhammad s.a.w. Ringkasnya, apa yang ingin diperkatakan oleh Wan Mohd. Shaghbir, Syeikh Daud juga adalah dari keturunan Nabi Muhammad s.a.w. Jalur keturunan penuh Syeikh Daud bolehlah dilihat pada lampiran di akhir desertasi ini.

Apa yang disebut oleh Wan Mohd Shaghbir ini adalah sesuatu yang menarik kerana dapat menghubungkan nasab keturunan Syeikh Daud dengan Rasulullah s.a.w. Namun begitu kenyataan ini agak sukar untuk diterima kerana kesukaran untuk

¹ Wan Mohd Shaghbir bin Abdullah (1990), *Syeikh Daud b. Abdullah al Fatani : Ulama dan Pengarang Teruhung Asia Tenggara*. Shah Alam : Pustaka Hizbi, hlm. 9-11.

² *Ibid*.

membuktikan secara konsisten tentang kewujudan beberapa personaliti dalam rantaian tersebut.⁴

Beberapa nama dalam rantaian jalur keturunan tersebut adalah *common names* di dalam masyarakat Islam dan lebih-lebih lagi nama-nama yang dikaitkan dengan Bugis dan Selatan Sulawesi yang belum lagi menerima kedatangan Islam sekitar pertengahan abad ke 15. Ini menjadi terlalu sukar untuk diterima kenyataan ini.⁵ Walau bagaimanapun, sebenarnya apa yang ingin ditekankan oleh Wan Mohd Shaghir, Syeikh Daud adalah dari keturunan para ulama dan keluarga yang besar serta mempunyai hubungan dengan ulama dan pembesar di rantau Nusantara ini.

1.2 TARIKH DAN TEMPAT KELAHIRAN

Para pengkaji sejarah hidup Syeikh Daud berselisih pendapat dalam menentukan tarikh dan tempat kelahirannya.

Tarikh kelahiran beliau sukar ditentukan secara tepat kerana tarikh yang diberikan oleh para pengkaji berbeza-beza. Ini disebabkan maklumat dan catatan dari keluarganya adalah tidak muktamad dan sumber-sumber fakta yang diperolehi tidak begitu kukuh dan jauh dari zaman hidupnya.

Wan Mohd Shaghir telah memberikan tiga tarikh yang berlainan, 1133H/1720M, 1153H/1740M dan 1183H/1769M.⁶ Walau bagaimanapun hasil dari kajian beliau yang terkemudian, beliau telah menemukan satu tarikh yang lebih awal dari tarikh-tarikh yang telah dinyatakan di atas iaitu tahun 1131H/1718M dan mengesahkannya sebagai tarikh kelahiran Syeikh Daud.

³ *Ibid.*

⁴ Faudzinaim B. Badaruddin(1999), “ Syeikh Daud al-Fatani : Riwayat Hidup, Pendidikan Dan Karya-Karyanya”, jld 7, *Maw'izah*, UKM, hlm. 38-39.

⁵ *Ibid.*

Pandangan Wan Mohd Shaghir ini berdasarkan kenyataan Tuan Guru Hj.

Abdul Hamid Bin Hj. Abdul Qadir al-Senawi dalam bukunya *Risalah Bahasan Niat Sembahyang* yang ada menyebutkan,

“ Dan sangat mustajab doanya dan panjang umurnya kadar 166 tahun. Dikuburkan dia di Taif berjiran dengan Sahabat Nabi, iaitu Abdullah Bin Abbas Khair al-Ummah, iaitu mati pada masa Sultan Syarif Muhammad Arsyad Khan al-Abbasi 1297H.”

Hasil dari penolakan 166 dengan tahun Hijrah 1297, maka tahun 1131H atau bersamaan dengan 1718M akan diperolehi dan tarikh inilah yang dipilih oleh Wan Mohd Shaghir.⁷

Sebaliknya Ismail Che Daud memilih tahun yang terakhir yang diberikan oleh Wan Mohd Shaghir iaitu 1183H/1769M sebagai tahun kelahirannya⁸. Tarikh ini juga dipilih oleh Ismail Bin Ishak, seorang pengkaji sejarah Islam Patani.⁹

Sebaliknya Faudzinaim mempertikaikan tahun 1183H/1769M ini sebagai tahun kelahiran Syeikh Daud. Menurut beliau, tahun ini tidak dapat diterima sebagai tahun kelahiran Syeikh Daud kerana berdasarkan data yang diperolehi menyebutkan bahawa Syeikh Daud pernah belajar dengan Syaikh Īsā bin Aḥmad al-Barrāwī yang wafat pada tahun 1768M dan dengan Syaikh Muḥammad ‘Abd al-Karīm al-Sammān yang wafat pada tahun 1775M. Oleh itu adalah tidak munasabah untuk menerima tahun 1769M sebagai tahun kelahirannya.¹⁰

⁶ Wan Mohd Shaghir (1990), *Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Teruhung Asia Tenggara*, op.cit., hlm 23.

⁷ Wan Mohd Shaghir Bin Abdullah (1999), *Munyatul Mushalli : Syeikh Daud al-Fatani Pengetahuan Sembahyang Masyhur*, c. 3, Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, hlm 7-8.

⁸ Ismail Che Daud (1988), *Tokoh Tokoh Ulama Semenanjung (1)*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan. hlm. 1

⁹ Ismail Bin Ishak. (2001), “Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani” (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Ulama di Kolej Islam ,Prince of Songkla University, Pattani, 11hb - 2hb Jun 2001) hlm. 1.

¹⁰ Faudzinaim B. Badaruddin (1999), “*Syeikh Daud al-Fatani : Riwayat Hidup, Pendidikan Dan Karya-Karya*”, op.cit., hlm 39.

Menurut Faudzinaim lagi, tahun yang sesuai dan munasabah untuk dipegang sebagai tahun kelahiran Syeikh Daud ialah 1153H/1740M.¹¹

Mengenai tempat kelahiran beliau, terdapat juga beberapa perbezaan pendapat. Abdullah Qari menyatakan bahawa Syeikh Daud dilahirkan di Kampung Bendang Gucir.¹² Manakala Ismail Che Daud menyebutkan bahawa Syeikh Daud dilahirkan di Kampung Parit Marhum, iaitu sebuah kampung yang terletak 7 batu di selatan Patani.¹³ Sebaliknya Wan Mohd Shaghir mempunyai pandangan yang berbeza dari dua pendapat di atas, beliau memilih Kampung Kerisik.¹⁴ Pendapat beliau ini adalah berdasarkan kepada sepotong syair yang ditulis oleh Hj. Mohammad Hussein Bin Abdul Latif al-Fatani atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Kelaba pada kitab *Hidāyah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim* yang berbunyi ..

*Pattani yang masyhur negeri muallifnya,
Negeri itu Kerisik yang hampar sungainya.*

Menurut Wan Mohd Shaghir, Tok Kelaba adalah anak murid kepada Syeikh Wan Muhammad Zain Bin Mustafa al-Fatani dan beliau juga murid kepada Syeikh Daud.¹⁵

Walaupun terdapat perbezaan yang agak ketara di kalangan pengkaji, namun perbezaan ini bukanlah menjadi perkara pokok, mungkin perbezaan ini hanyalah dari segi umum dan khusus sahaja.

Kedudukan Kampung Parit Marhum adalah berhampiran dengan Kampung Kerisik dan berada dalam wilayah Patani. Mungkin pada waktu dahulu, kawasan

¹¹ *Ibid.* hlm.40.

¹² Wan Mohd Shaghir B. Abdullah (1991). "Sejarah Ringkas Syeikh Daud Bin Abdullah al Fatani Dan Karya-Karyanya" (Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama . Peringkat Kebangsaan Kali ke 4, di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17hb – 19hb Disember 1991)

¹³ Ismail Che Daud (1988), "*Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (1)*", *op.cit.* hlm 3.

¹⁴ Wan Mohd Shaghir (1990), "*Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*", *op.cit.*, hlm.23.

¹⁵ Wan Mohd Shaghir (1991), "*Sejarah Ringkas Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dan Karya-Karyanya*", *op.cit.*, hlm.4.

kawasan ini hanya dikenali dengan nama Kampung Kerisik sahaja kerana masyarakatnya yang masih kecil bilangannya dan belum berkembang.

Apabila terdapat pertambahan dalam sesebuah komuniti maka berlakulah perpindahan ke satu kawasan lain dan diberi nama baru walaupun jaraknya berdekatan antara satu sama lain, tetapi masih dalam satu qariah atau daerah.

Walaupun begitu apa yang disebut oleh Tok Kelaba melalui syairnya itu adalah lebih kuat dan dipercayai kerana beliau lebih hampir dengan Syeikh Daud dari segi faktor masa.

Berkenaan tarikh kewafatan beliau, terdapat juga perbezaan, ini disebabkan tarikh kelahirannya yang tidak sependapat yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji sejarah hidup beliau.

Ismail Che Daud menyatakan beliau wafat pada tahun 1846M ketika berusia 80 tahun.¹⁶ Manakala Ismail Bin Ishak secara spesifik menjelaskan bahawa Syeikh Daud wafat pada hari Khamis 22 Rejab 1263H bersamaan 8 Julai 1846M dan disemadikan di *Tāif* bersebelahan dengan kubur Sahabat besar yang juga sepupu kepada Nabi s.a.w iaitu Abdullah Ibn ‘Abbās.¹⁷ Jika diperhatikan apa yang telah dinyatakan, Ismail Bin Ishak bersependapat dengan Ismail Che Daud dalam masalah tarikh kelahiran dan kewafatan Syeikh Daud.

Sebaliknya Wan Mohd Shaghir memilih tahun 1297H/1879M sebagai tahun kewafatannya pada usia 166 tahun.¹⁸ Pendapat beliau ini adalah berdasarkan kepada catatan Tuan Guru Hj. Abdul Hamid dalam bukunya *Risalah Bahasan Niat Sembahyang*.

¹⁶ Ismail Che Daud (1988). “*Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (1)*”, *op.cit.* hlm. 32.

¹⁷ Ismail B. Ishak (2001), “*Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani*” *op.cit.* hlm. 11.

¹⁸ Wan Mohd Shaghir (1999). “*Munyatul Mushalli*”, *op.cit.* hlm. 7-8.

Walaupun terdapat catatan yang dibuat oleh Tuan Guru Hj. Abdul Hamid itu, namun tarikh tersebut agak sukar untuk diterima kerana tidak ada data-data lain yang boleh menyokong pendapat tersebut. Apatah lagi jika diteliti kepada tulisan-tulisan Syeikh Daud pada awal abad ke 19M, didapati beliau sentiasa memberikan tarikh-tarikh pada setiap karya yang telah disempurnakannya. Karya beliau yang terakhir yang diketahui sehingga kini ialah *Bahjah al-Mardīyyah* yang disempurnakan penulisannya pada tahun 1843M.¹⁹

Sekiranya kita katakan bahawa beliau wafat pada tahun 1879M seperti yang dinukilkan, maka kemungkinan besar kita akan memperolehi lagi karya-karya beliau selepas tahun 1843M.²⁰

Oleh itu, berasaskan kepada penelitian ini, maka adalah suatu yang munasabah untuk dikatakan bahawa Syeikh Daud telah wafat di sekitar pertengahan abad ke 19M antara tahun 1843M – 1848M.

1.3 KELUARGA SYEIKH DAUD

Syeikh Daud merupakan anak sulung dari lima adik beradik, adik-adiknya yang lain ialah :-

- 1) Wan Abdul Qadir
- 2) Wan Idris
- 3) Wan Abdul Rasyid
- 4) Seorang perempuan yang tidak diketahui namanya.²¹

¹⁹ Faudzinaim B. Badarudin (1999), “*Syeikh Daud al-Fatani : Riwayat Hidup, Pendidikan Dan Karya-Karyanya*”, *op.cit.*, hlm. 41.

²⁰ *Ibid*

²¹ Wan Mohd Shagir (1990), “*Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama Dan Pengarang Teruhung Asia Tenggara*”, *op.cit.*, hlm 13.

Tidak banyak maklumat yang diperolehi mengenai keluarga beliau. Namun dari keluarga inilah berkembang menjadi satu rumpun keluarga yang besar dan tersebar luas di rantau Nusantara dan juga Mekah.

Hampir tidak ada maklumat yang menceritakan tentang perkahwinannya. Sejauh yang diketahui, beliau sendiri tidak mempunyai zuriat. Dari itu beliau telah mengambil anak-anak saudaranya sebagai anak angkat, iaitu anak-anak Wan Idris, Wan Fatimah dan Wan Zainab.²² Kedua-duanya dibesarkan dan dididik sehingga sedikit sebanyak mewarisi keilmuan beliau.

1.4 PENDIDIKAN

Walaupun Syeikh Daud dilahirkan dan dibesarkan sehingga remaja di Patani, tapi berdasarkan maklumat yang didapati, tidak lama beliau mendapat pendidikan awal di tanah airnya. Dikatakan beliau mendapat pendidikan awalnya selama lima tahun sahaja di tempat lahirnya.²³

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, antara yang menjadi guru beliau pada peringkat awal pendidikannya ialah bapanya sendiri iaitu Wan Abdullah dan bapa saudaranya Wan Sofiyuddin.²⁴

Ini tidaklah menghairankan kerana sudah menjadi tradisi keluarga yang berketurunan para alim ulama, anak-anak mendapat didikan dan bimbingan terus daripada kedua ibubapanya. Apatah lagi bapanya sendiri merupakan seorang ulama besar Patani pada zaman itu.

²² *Ibid.* hlm.14 -15.

²³ Ismail B. Ishak (2001), "*Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani*", *op.cit.* hlm 5

²⁴ *Ibid*

Selain dari kedua orang ulama itu, beliau juga sempat belajar dengan beberapa orang ulama pondok yang terdapat di sekitar Patani pada waktu itu, antara yang masyhurnya ialah Syeikh Abdul Rahman B. Abdul Mubin di pondok Pauh Bok.²⁵

Setelah mendapat pengajian asas di beberapa buah pondok di sekitar Patani, beliau terus meluaskan lagi pengajiannya di luar Patani. Namun begitu kita tidak menemui maklumat yang menceritakan bilakah beliau meninggalkan Pattani untuk meneruskan pengajiannya di Mekah dan Madinah. Ismail Che Daud berpendapat beliau meninggalkan Pattani pada akhir abad ke 18M.²⁶ Ini disokong oleh Ismail Bin Ishak yang menyatakan bahawa Patani pada ketika itu telah mengalami pergolakan politik yang serius akibat diancam oleh tentera Kerajaan Siam, sehingga tercetusnya peperangan. Kesan dari peperangan itu Kerajaan Melayu Pattani telah mengalami kekalahan pada bulan November 1786M.²⁷

Oleh itu dengan mengambilkira suasana politik dan keadaan negeri ketika itu yang tidak stabil dan tenteram, Syeikh Daud berkemungkinan besar telah meninggalkan Pattani sekitar tahun 1787M dan berumur 18 tahun.²⁸

Walau bagaimanapun pendapat ini disangkal oleh Faudzinaim. Beliau berpendapat Syeikh Daud meninggalkan Pattani lebih awal dari tarikh tersebut. Malah pada tahun 1787 itu, Syeikh Daud telah pun berada di Mekah. Data yang sedia ada membuktikan bahawa beliau telah menghasilkan satu karya yang diberi nama *Kifāyah al-Muhtāj*²⁹ pada tahun 1789.³⁰ Sekiranya Syeikh Daud meninggalkan Pattani pada

²⁵ Faudzinaim B. Badarudin (1999), "*Syeikh Daud al-Fatani : Riwayat Hidup, Pendidikan Dan Karya-Karyanya*", op.cit. hlm. 42.

²⁶ Ismail Che Daud (1988), "*Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (1)*", op.cit. hlm. 8.

²⁷ Ismail B. Ishak (2001), "*Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani*", op.cit. hlm. 6.

²⁸ *Ibid*.

²⁹ Salah satu karya Syeikh Daud yang membicarakan tentang *Isrā'* dan *Mi'rāj*. Ditulis pada tahun 1204H. dianggap kitab jawi yang pertama yang menceritakan kisah atau peristiwa tersebut. Kitab ini juga banyak digunakan di masjid-masjid di rantau Nusantara ini terutamanya pada bulan Rejab. Lihat Wan Mohd Shaghir (1990), "*Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*", op.cit., hlm 69.

tahun 1787 seperti yang dikatakan, dan menghasilkan karya pada tahun 1789 yang ketika itu beliau baru berusia 20 tahun dan pengalaman menuntut di Mekah tidak sampai dua tahun, maka adalah tidak munasabah dan sukar diterima beliau dapat menghasilkan karya yang bersifat demikian, kerana karya yang bermutu seperti itu memerlukan tahap pencapaian keilmuan yang matang oleh penulisnya serta tempoh masa yang tertentu untuk menyempurnakannya.³¹

Satu perkara lagi yang perlu disentuh ialah Syeikh Daud dikatakan telah berguru dengan Syeikh Īsā al-Barrāwī yang meninggal dunia pada tahun 1768M. Dari itu adalah tidak mungkin Syeikh Daud meninggalkan Pattani ke Mekah pada tahun 1787M.³²

Mengikut pendapat Faudzinaim lagi, sekiranya tahun 1740M dipegang sebagai tahun kelahiran beliau, maka berkemungkinan beliau meninggalkan Pattani dan bertolak ke Mekah pada awal tahun 1760an dan berusia awal 20an serta sempat pula berguru dengan Syeikh Īsā al-Barrāwī.

Satu hal lain yang perlu diberi perhatian, dalam perjalanan beliau ke Mekah, beliau dikatakan telah singgah untuk belajar di Aceh selama dua tahun.³³

Sekalipun maklumat ini diperolehi secara lisan dan tidak ada data yang boleh dibuktikan, namun dakwaan ini tidaklah boleh diperkecilkan. Sekurang-kurangnya ada tiga alasan untuk dakwaan ini;

Pertama- pada abad ke 16M hingga awal abad ke 19M, Aceh merupakan pusat pengajian ilmu-ilmu Islam yang penting di rantau

³⁰ Faudzinaim B. Badarudin (1999), "*Syeikh Daud al-Fatani : Riwayat Hidup, Pendidikan Dan Karya-Karyanya*", *op.cit.* hlm. 43.

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

³³ Wan Mohd Shaghir (1990), "*Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*", *op.cit.*, hlm. 25.

Asia Tenggara. Ini bermakna Aceh mendahului Pattani dari segi perkembangan ilmu-ilmu Islam.

Kedua- Aceh juga menjadi pelabuhan utama kepada pedagang-pedagang. Dengan kedudukan yang strategik ini, ia menjadi tempat persinggahan yang penting bagi laluan air di antara Barat dan Timur.

Ketiga- Syeikh Daud telah menunjukkan minat terhadap beberapa buah kitab tasawuf yang terkenal yang dihasilkan di Aceh pada zaman kegemilangannya iaitu seperti *Jawāhir al-'Ulūm*, *Daqāiq al-Hurūf* dan *Tuhfah al-Mursalah*. Kitab-kitab ini telah digunakan oleh beliau sebagai bahan rujukan utama ketika menghasilkan kitab tasawuf beliau yang berjudul *Manhal al-Ṣāfi* dan sebuah manuskrip yang tidak berjudul yang tersimpan di Pusat Manuskrip Negara yang bernombor 666.³⁴ Besar kemungkinan beliau telah mempelajari dan menguasai kitab-kitab tersebut ketika beliau singgah di Aceh.

Syeikh Daud berada di Hijaz selama 35 tahun, iaitu 30 tahun di Mekah dan 5 tahun di Madinah.³⁵ Tidak ada data yang menerangkan secara tepat berapa lamakah beliau menuntut dan mempelajari ilmu di Mekah dan Madinah. Walau bagaimanapun dalam tempoh masa yang lama itu, beliau telah mempelajari pelbagai disiplin ilmu daripada ulama-ulama besar ketika itu dan berdamping dengan mereka. Dengan pengalaman yang luas itu dapat membentuk beliau sebagai seorang tokoh ulama yang mampu menghasilkan karya yang baik sebagai usaha kesinambungan menyebarkan

³⁴ Faudzainaim B. Badarudin (1999). “Syeikh Daud al-Fatani : Riwayat Hidup, Pendidikan Dan Karya-Karyanya”, *op.cit.* hlm.44.

³⁵ Wan Mohd Shaghir (1990) . “Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terhujung Asia Tenggara”, *op.cit.* hlm 16.

ilmu-ilmu agama di rantau Nusantara ini. Dan ini sekaligus meletakkan beliau sebaris dengan para ulama tersohor pada zamannya dari golongan Arab mahupun Melayu.

Beliau mempelajari dan menguasai pelbagai jenis ilmu terutamanya ilmu-ilmu agama seperti Feqah, Tauhid, Tafsir, Hadis, Tasawuf, Tarikh dan lain-lain. Ini dapat dilihat kepada karya-karyanya yang pelbagai itu. Beliau juga dikatakan mempelajari ilmu perubatan, ilmu hisab dan ilmu falak.³⁶ Juga disebut menjadi 'Syeikh Haji' Melayu yang pertama dan mengurus urusan jemaah haji khususnya kepada orang-orang Melayu.³⁷

1.5 GURU-GURU

Tidak banyak maklumat yang diperolehi tentang guru-gurunya, ini kerana beliau sendiri tidak menyatakan secara jelas tentang guru-gurunya dan bentuk pengajian yang dilaluinya.³⁸ Walau bagaimanapun berdasarkan data-data yang ada, melalui kitab-kitab dan juga sanad-sanad pengajian beliau, dapatlah dianggap dan dikatakan bahawa beberapa orang ulama dari kalangan bangsa Arab dan Melayu telah menjadi gurunya semasa beliau di Hijāz mahu pun di Patani.

Satu perkara yang wajar diberi perhatian ialah sudah menjadi tradisi dan kebiasaan penuntut-penuntut dari rantau Nusantara atau Melayu secara khususnya akan mendampingi komuniti Melayu terlebih dahulu dan mempelajari daripada guru-guru Melayu dan penuntut-penuntut yang lebih lama sebelum belajar dengan guru-guru dari bangsa Arab.³⁹

³⁶ *Ibid* hlm. 28

³⁷ Ismail Che Daud (1988), "*Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (1)*", *op. cit.* hlm. 30.

³⁸ Faudzinaim B. Badarudin (1999), "*Syeikh Daud al-Fatani : Riwayat Hidup, Pendidikan Dan Karya-Karyanya*", *op. cit.* hlm. 45.

³⁹ *Ibid*

Antara individu-individu yang pernah menjadi gurunya bolehlah disenaraikan seperti berikut:⁴⁰

Bangsa Melayu

- 1) Syeikh Muḥammad Zain B. Faqīh Jalāluddin al- Āsyī.
- 2) Syeikh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbāni.
- 3) Syeikh Muḥammad Arsyad al-Banjari.
- 4) Syeikh Muḥammad Ṣālih al-Fatani.
- 5) Syeikh ‘Alī B. Ishāq al-Fatani.
- 6) Syeikh ‘Abd al-Rahmān Mubīn.
- 7) Syeikh Muḥammad Nafīs B. Ḥusain al-Banjari.
- 8) Syeikh Muḥammad Syihāb al-Din B. Zain al- ‘Abidīn.
- 9) Syeikh Abdullah B. Ismail.
- 10) Syeikh Muḥammad B. Syaikh Ahmad Khaṭīb.

Bangsa Arab

- 1) Syeikh Īsā B. Aḥmad B. Īsā al-Barrāwī.
- 2) Syeikh Muḥammad B. ‘Abd al-Karīm al-Sammānī.
- 3) Syeikh Abdullah B. Ibrāhīm al-Syarqāwī.
- 4) Syeikh Ibrāhīm B. Muḥammad al-Rais al-Zamzamī.
- 5) Syeikh Aḥmad Marzūqī al-Māliki.

⁴⁰ Wan Mohd Shaghir (1990), “Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara”, *op.cit.*, Ismail B. Ishak (2001), “Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani”, *op.cit.* hlm 7

1.6 KARYA

Sebagai seorang yang cintakan ilmu, apatah lagi tinggal di tanah Arab dalam tempoh yang lama dan berdamping dengan para ulama, sudah tentu memberi kesan yang mendalam kepada Syeikh Daud untuk menghasilkan karya.

Karya yang dihasilkannya itu adalah dalam bahasa Arab dan Melayu. Bagaimanapun tidak dapat dipastikan bilakah beliau mula menulis dan jumlah yang tepat hasil tulisannya. Ini kerana para pengkaji juga berselisih pendapat tentang jumlah karya yang telah dihasilkannya. Sehingga sekarang masih belum ada bukti yang kukuh jumlah sebenar hasil karyanya.

Wan Mohd Shaghir memberikan sejumlah 61 buah karya yang pada pandangannya adalah sahih hasil karya Syeikh Daud. Sebaliknya Tuan Guru Haji Abdul Hamid B. Hj. Abdul Qadir Sena menyatakan Syeikh Daud telah menghasilkan karya sebanyak 101 buah.⁴¹

Antara hasil karyanya itu ialah;⁴²

1. *Bughyah al-Tullāb li Murīd Ma'rifah al-Aḥkām bi al-Ṣawāb* (1274H/1857).

Kitab ini membincangkan persoalan-persoalan ibadat. Ia merupakan lanjutan dari kitab *Sabīl al-Muhtadīm li al-Taḥaqquq fi Amr al-Dīn* karangan Syeikh Muhammad Arsyad Bin Abdullah al-Banjari.⁴³

2. *al-Ṣaid wa al-Dhabā'ih*.

Kitab ini ditulis di Makkah. Syeikh Daud hanya menyebut tarikh tulisannya pada hari Rabu 10 Ṣafar tanpa menyebut tahunnya.

⁴¹ Wan Mohd Shaghir (1999), "Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani", *op.cit.* hlm.52

⁴² *Ibid.* hlm 53 – 93.

Kandungannya mengenai hukum penyembelihan, perburuan, korban, 'aqiqah, binatang yang halal dan haram dimakan menurut Mazhab Syafi'i serta perkara-perkara yang berkaitan.⁴⁴

3. *al-Bahjah al-Saniyyah*.

Kitab ini juga ditulis di Makkah. Isi kandungannya menghuraikan ilmu Tauhid dan perkara-perkara yang berkaitan. Karya ini siap ditulis pada hari Sabtu, 16 Şafar, 1258H.⁴⁵

4. *Manhal al-Şāfi' fi Ramz Ahl al-Şūfi*

Kitab ini adalah antara kitab yang banyak disalin, namun begitu tidak ditemui cetakannya dari Makkah atau pun Mesir.⁴⁶ Menurut Ahmad Fathy al-Fatani kitab ini sebenarnya bukan hasil karangan Syeikh Daud tetapi adalah hasil penulisan Syeikh Abdul Kadir al-Fatani Bin Wan Abdul Rahim Bin Wan Abdul Rahman, Bukit Bayas, Terengganu.⁴⁷

5. *Hikayat Laki-laki Yang Şālih Daripada Bani Isrā'il*.

Ia merupakan risalah kecil yang diletakkan dibahagian belakang kisah Nabi Yusuf dan bukannya kitab yang berasingan.⁴⁸

6. *Kayfiyyah Khatm al-Qurān*.

Kitab ini ditulis dalam Bahasa Melayu. Ia menerangkan bagaimana menamatkan bacaan atau khatam al-Quran serta mengandungi berbagai

⁴³ *Ibid*.

⁴⁴ Mohammad Zaini Bin Yahya *et al.* (2001), "Penulisan Fiqh Syeikh Daud al-Fatani", (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001), hlm. 2

⁴⁵ Wan Mohd Shaghir (1990), "Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara", *op.cit*.

⁴⁶ *Ibid*.

⁴⁷ Ahmad Fathy al-Fatani (2001), *Ulama Besar Dari Patani*, Kuala Lumpur: Ampang Press, hlm. 24.

⁴⁸ *Ibid*

doa yang berkaitan. Kitab ini juga merupakan kitab yang pertama berbentuk demikian. Tarikh karangannya tidak disebutkan.⁴⁹

7. *Kayfiyyah Solāh Tarawīh*.

Naskah ini menerangkan cara sembahyang tarawih, diikuti dengan witr, Tariqat Syatariyyah, Tariqat Sammaniyyah dan diakhiri dengan adab ziarah kubur. Tarikh penulisannya tidak dinyatakan.⁵⁰

8. *Risalah Kelebihan Basmalah*.

Risalah ini menerangkan tentang kelebihan mengamalkan Basmalah, caranya dan perkara-perkara yang berkaitan.⁵¹

9. *Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*. (1224H/1809M)

Wan Mohd Shaghir menyatakan yang betul pada judul kitab ini ialah *Idāh al-Albāb* seperti mana yang tertulis pada manuskrip. Ejaan judul pada cetakan adalah kecaciran dan tersalah cetak.⁵² Kandungan kitab ini mencrangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan nikah, talaq, mahar dan sebagainya.⁵³

10. *al-Dur al-Thamīn fi 'Aqāid al-Mu'minīn*. (1232H/1816M)

Pada cetakan al-Maṭba'ah al-Miriyyah, Makkah, tahun 1331H, diakhir kitab ini dinyatakan judulnya *al-Dur al-Thamīn fi Bayān 'Aqāid al-Mu'minīn*.⁵⁴ Kitab ini membicarakan tentang ilmu Tauhid berdasarkan

⁴⁹ Wan Mohd Shaghir (1990), "Syekh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara", *op.cit.*, hlm 63

⁵⁰ Mohammad Zaini Yahya *et al.* (2001), "Penulisan Fiqh Syekh Daud al-Fatani", *op.cit.*, hlm 5.

⁵¹ Wan Mohd Shaghir (1990), "Syekh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara", *op.cit.*, hlm. 68

⁵² *Ibid.* hlm 13

⁵³ *Ibid.* hlm. 69

⁵⁴ Syekh Daud Bin Abdullah al-Fatani (1331H), *al-Durr al-Thamīn Pada Menyatakan F'tiqad Segala Orang Yang Mu'minin*, Makkah: al-Maṭba'ah al-Miriyyah.

aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Sebahagian besar kandungannya adalah hasil terjemahan dari kitab *Tauhid* berbahasa Arab.⁵⁵

11. *Kisah Nabi Yusuf 'Alaih al-Salām*.

Karya ini dianggap yang pertama dihasilkan dalam bahasa Melayu. Isi kandungannya juga lengkap dan sempurna yang menceritakan sejarah hidup Nabi Yusuf a.s.⁵⁶

12. *Muqaddimah al-Kubrā*.

Tidak ditemui salinan asalnya, walau bagaimanapun ditemui salinan yang disalin oleh Syeikh 'Abd al-Ṣamad al-Kalantānī. Tarikh penulisannya juga tidak diketahui. Kitab ini membicarakan tentang aqidah, dan dimuatkan perkara-perkara *nadir* yang jarang didapati dalam kitab-kitab lain.⁵⁷

13. *al-Qurb ilā Allah*.

Kitab ini belum ditemui walaupun salinan dari murid-muridnya.

14. *Tanbīh al-Ghafilīn*.

Karya ini juga belum ditemui. Satu naskhah yang disimpan di Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur yang tidak diketahui pengarangnya, mungkin ini dikaitkan dengan *Tanbīh al-Ghafilīn* karya Syeikh Daud.⁵⁸

15. *Bulūgh al-Marām Pada Bicara Kayfiyah Muqāranah Takbīrah al-Iḥrām*.
(1227H)

Risalah ini menerangkan bagaimana mendapatkan niat yang sah dalam sembahyang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya mengikut Mazhab Syafi'i.⁵⁹

⁵⁵ Hasan Madmarn (2001), *Pondok Dan Madrasah Di Patani*, Thailand: Saudara Press. hlm 31.

⁵⁶ Wan Mohd Shaghir (1990), "Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara", *op cit.* hlm 62.

⁵⁷ *Ibid.* hlm 67.

⁵⁸ *Ibid.*

16. *Sifat Dua Puluh*.

Syeikh Ahmad Bin Muhammad Zain Bin Mustafa al-Fatani menolak kitab ini sebagai karangan Syeikh Daud. Beliau menyatakan bahasa yang digunakan dalam kitab ini adalah berbeza dari bahasa Syeikh Daud serta menimbulkan kekeliruan.⁶⁰

17. *Bidāyah al-Hidāyah*. (Terjemahan) (1253H).

Kitab asal *Bidāyah al-Hidāyah* ini adalah dalam bahasa Arab karya al-Imām al-Ghazālī, iaitu sebuah kitab taṣawwuf.⁶¹ Syeikh Daud telah menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan judul asal.⁶²

18. *Ḍiya' al-Murīd fī Ma'rīfah Kalimah al-Tauhīd*.

Kitab ini tidak dinyatakan tarikh penulisannya. Ia dipercayai ditulis di Istana Sultan Muhammad Ṣafīyyudin, iaitu murid kepada Syeikh Daud, Sambas, Kalimantan. Kandungan kitab ini berkaitan dengan cara-cara berzikir dan abad-abadnya menurut tarekat Syatariyyah..⁶³ Juga mengupas persoalan Ketuhanan dalam konteks pengertian *al-Syahādāt al-Ulūhiyyah*.⁶⁴

⁵⁹ *Ibid.* hlm. 71.

⁶⁰ *Ibid.* hlm. 60.

⁶¹ Sulaiman B. Ibrahim (2001), "Syaikh Dawud al-Fatani Dan Pengaruhnya Dalam Penyebaran Tarekat Shattariyyah di Nusantara", (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001), hlm 7

⁶² Wan Mohd. Shaghir (1990), "Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Teruhung Asia Tenggara", *op.cit.*, hlm. 61.

⁶³ *Ibid.* hlm. 59.

⁶⁴ Abdul Aziz Ambak B. Ismail (1991), "Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani Dalam Aqidah Di Nusantara", Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991), hlm. 7.

19. *Waṣāyā al-Ahrār wa Mawā'iz al-Akhyār*

Tarikh penulisannya tidak diketahui. Kitab ini membicarakan persoalan tasawwuf secara mendalam. Ia merupakan terjemahan dan saduran dari karya Syeikh Muhammad Bin 'Umar al-Ghamrī al-Wasiṭī.⁶⁵

20. *Risālah al-Masā'il*.

Tarikh penulisannya juga tidak diketahui. Kandungan risalah ini berkaitan dengan persoalan sembahyang Jumaat.⁶⁶

21. *Kifāyah al-Muḥtadī fī 'Itiqād al-Mursyidīn*.

Tarikh penulisannya juga tidak diketahui. Kitab ini juga mempunyai judul lain iaitu *Irsyād al-Aṭfal al-Muḥtadī 'īm fī 'Aqā'id al-Dīn*. Kandungannya mengenai Ilmu Tauhid, menjelaskan syarat-syarat iman dan perkara-perkara yang membinasakannya. Juga disentuh rukun-rukun, syarat-syarat syahadah dan perkara-perkara yang membatalkannya.⁶⁷

22. *Jināyah al-Takhaṭṭub*.⁶⁸

Karya ini belum ditemui.⁶⁹

23. *Risālah Kelebihan Hamdalah*.

Tidak dinyatakan tahun penulisannya. Ianya sebuah risalah yang ditulis selepas *Risalah Kelebihan Basmalah*. Ia menerangkan kelebihan membaca *Hamdalah*.⁷⁰

⁶⁵ Wan Mohd. Shaghir (1990), "Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Teruhung Asia Tenggara", *op.cit.*, hlm. 61.

⁶⁶ *Ibid.* hlm. 65.

⁶⁷ *Ibid.* hlm 65-67.

⁶⁸ Berlaku kesilapan ejaan pada nama karya ini. Wan Mohd. Shaghir mengejanya dengan 'Takhtub', manakala Ahmad Fathy al-Fatani mengejanya dengan 'Takhaṭṭub'. Lihat Wan Mohd. Shaghir, *Ibid.* hlm. 68, dan Ahmad Fathy al-Fatani (2001), "Ulama Besar Dari Patani", *op.cit.*, hlm. 35. Yang tepatnya seperti yang dieja oleh Ahmad Fathy al-Fatani.

⁶⁹ Mohammad Zaini B. Yahya et al. (2001), "Penulisan Fiqh Syeikh Daud al-Fatani", *op.cit.*, hlm. 6 ; Wan Mohd. Shaghir (1990), "Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Teruhung Asia Tenggara", *op.cit.*

24. *Fatwa Berjual Beli Dengan Kafir.*

Kitab ini belum pernah diterbitkan dan kandungannya tidak pernah dibicarakan dalam kitab-kitab beliau yang lain.⁷¹

25. *Hukum Haiḍ Dan Istihāḍah*

Kitab ini juga belum pernah diterbitkan. Perbahasannya mendalam tentang persoalan haiḍ dan istihāḍah.⁷²

26. *Qism al-Zakāh Bayn al-Aṣṇāf.*

Kitab ini masih dalam bentuk manuskrip dan belum pernah diterbitkan. Ia merupakan fatwa Syeikh Daud tentang pembahagian zakat kepada lapan *aṣṇāf* seperti mana yang disebut dalam al-Quran.⁷³

27. *Nabdhah fi Bayān Syurūṭ al-Jumu'ah.*

Kitab ini berbeza dengan Risalah al-Masail. Kitab ini menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan sembahyang Jumaat.⁷⁴

28. *al-Tanbīh* (1192H)

Judul kitab ini ialah *al-Tanbīh 'alā Ḥikam Tāj al-Dīn ibn 'Atā Allah*. Kitab ini asalnya karya Syeikh Muhammad B. Ibrāhīm al-Zanadī.⁷⁵

29. *Matn al-Ḥikam li al-'Allāmah Ibn Ruslān al-Dimasyqī.*

Tidak diketahui tarikh penulisan dan juga isi kandungannya kerana tidak ditemui manuskrip atau pun salinannya yang lengkap.⁷⁶

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Ibid.* hlm 92

⁷² *Ibid.* hlm 93

⁷³ *Ibid.* hlm 92

⁷⁴ *Ibid.* hlm. 93.

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ *Ibid* hlm 87

30. *Tārīkh Faṭānī* (1228H).

Kitab ini asalnyā karangan Syekh Faqīh Ali Bin Wan Muhammad. Syekh Daud telah menyalin semula dan *mentahqiqkannya*.⁷⁷

31. *Mudhakarāh al-Ikhwān* (1249H/1833M).

Kitab ini ditulis di Makkah. Kandungannya merupakan wasiat Syekh Daud supaya bertaqwa kepada Allah.⁷⁸

32. *Ta'alluq bi Kalimah al-Īmān*.

Karya ini tidak ditemui.⁷⁹

33. *Kifāyah al-Jawīyyah*.

Karya ini juga tidak ditemui.⁸⁰

34. *'Aqīdah al-Jawāhir* (1245H).

Kitab ini membicarakan tentang Ilmu Tauhid dalam bentuk syair.⁸¹

35. *Ward al-Zawāhir li Hil Alfāz 'Iqd al-Jawāhir* (1245H).

Kitab ini selesai dikarang pada 24 Şafar, Selasa di Makkah. Kitab ini merupakan kitab yang terbesar dan luas kupasannya dalam Bahasa Melayu dalam bidang *Usūl al-Dīn*.⁸²

36. *al-Jawāhir al-Saniyyah* (1252H).

Kitab ini ditulis di Ṭāif dan selesai dikarang pada waktu Duhā, Isnin 16 Jamādī al-Ūlā. Kitab ini merupakan kitab fiqh yang menyentuh semua bab

⁷⁷ Wan Mohd. Shaghir (1999), "*Munyanul Mushallī*", *op.cit.*, hlm. 12.

⁷⁸ Wan Mohd. Shaghir (1990), "*Syeikh Daud b. Abdullah al-Fakamī : Ulama dan Pengarang Terbilang Asia Tenggara*", *op.cit.*, hlm 65.

⁷⁹ *Ibid.* hlm. 68.

⁸⁰ *Ibid.* hlm. 67.

⁸¹ *Ibid.* hlm. 79.

⁸² *Ibid.* hlm 79-81.

Ilmu Fiqh. Di awal kitab ini dimuatkan juga asas-asas aqidah mengikut *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.⁸³

37. *Ghāyah al-Marām* (1229H/1813M)

Kitab ini selesai ditulis pada 5 Ramaḍān, di Makkah. Kandungannya menerangkan cara-cara menunaikan haji dan 'umrah.⁸⁴

38. *Ghāyah al-Taqrīb fi al-Irth wa al-Ta'sīb* (1226H/1811M).

Kitab ini selesai ditulis pada 5hb Safar, hari Jumaat. Kitab ini menerangkan cara-cara pembahagian harta pusaka menurut hukum syara'.⁸⁵

39. *Kifāyah al-Muhtāj fi al-Isrā' wa al-Mi'rāj* (1204H/1789M).

Kitab ini menerangkan peristiwa *Isrā'* dan *Mi'rāj* yang berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kitab ini dianggap kitab yang pertama dalam Bahasa Melayu menceritakan kisah ini. Ia juga banyak digunakan di pondok-pondok dan pusat-pusat pengajian masa dahulu terutamanya pada bulan Rejab.⁸⁶

40. *Tuhfah al-Ikhwān fi Nisf Sya'hān*.

Tidak diketahui tarikh penulisannya.⁸⁷

41. *Fawāid al-Fikr fi al-Imām al-Mahdī*.

Tidak dinyatakan tarikh penulisannya. Kitab ini adalah terjemahan dari kitab Arab hasil karangan Syeikh Mar'ī Ibn Yūsuf. Ia membicarakan tentang kelahiran Imām Mahdī. Kitab ini belum pernah dicetak.⁸⁸

⁸³ *Ibid* hlm 85.

⁸⁴ *Ibid* hlm. 71

⁸⁵ *Ibid* hlm 70.

⁸⁶ *Ibid* hlm. 69.

⁸⁷ Wan Mohd. Shaghir (1999), "*Munyatul Mushalli*", *op cit.*, hlm 13.

⁸⁸ *Ibid* hlm 91.

42. *Risālah Ṭarīqah al-Syāṭariyyah wa al-Sammāniyyah*.

Kitab ini belum pernah diterbitkan. Kandungannya menerangkan Ṭarīqat Syāṭariyyah dan Sammāniyyah dan sisilah kedua-duanya.⁸⁹

43. *Bahjah al-Marḍiyyah* (1259H).

Kitab ini dicetak berkembar dengan kitab *Munyah al-Musollī*. Kitab ini membicarakan tentang perihal imam dan makmum dalam sembahyang jamaah sama ada *mashbūq* atau *muwāfiq*.⁹⁰

44. *Bahjah al-Wardiyyah* (1259H).

Kitab ini selesai ditulis pada 16hb Šafar di Makkah. Menurut Wan Mohd. Shaghir kitab ini merupakan terjemahan dan huraian dari Bahasa Arab. Kandungannya mengenai Ilmu Tauhid.⁹¹

45. *Furu' al-Masā'il wa Usūl al-Masā'il*.

Kitab ini mula ditulis pada tahun 1254H dan selesai penulisan pada 1257H. Kitab ini berbeza dari karya-karya beliau yang lain kerana bentuk penulisan dibuat dengan cara soal jawab.⁹² Sumber hukum yang dirujuk dalam kitab ini ialah dari *al-Fatāwā* karya Syeikh al-Ramlī (1004H/1596M) dan *Kasyf al-Lithām 'an As'ilah al-Anām* karya Ḥusayn bin Aḥmad al-Maḥallī (1458M). Kitab ini dianggap kitab Fiqh dalam Bahasa Melayu yang terbesar dan tersohor serta lengkap yang merangkumi semua aspek keagamaan.⁹³ Ia mungkin menandakan kemuncak penulisan

⁸⁹ *Ibid*. hlm. 92.

⁹⁰ *Ibid*. hlm. 86.

⁹¹ *Ibid*. hlm. 87.

⁹² *Ibid*. hlm. 86.

⁹³ Joni Tamkin Borhan (2001), "Sumbangan Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dalam Fiqh Mu'amalah: Tumpuan Kepada Furu' al-Masail", (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1 Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 - 20 Mei 2001), hlm.5-7.

Syeikh Daud dalam bidang fiqh.⁹⁴

46. *Hidāyah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*.

Kitab ini dikatakan kitab Fiqh pertama yang paling lengkap.⁹⁵

47. *Sullam al-Mubtadi' fi M'arifah Tariq al-Muhtadi'*.

Kitab ini ditulis ketika Syeikh Daud berada di Taif. Kandungannya dimulai dengan persoalan 'aqidah kemudian diikuti perbahasan mengenai fiqh yang menyentuh semua bab tetapi dihurai secara ringkas.⁹⁶

48. *Nahj al-Rāghibīn wa Subul al-Muttaqīm* (1226H/1811M).

Kitab ini terdiri dari dua jilid dan selesai penulisan kedua-duanya pada Jamādī al-Awwal 1234H di Makkah. Walau bagaimanapun jilid pertama sahaja yang pernah dicetak dan diterbitkan. Ia dicetak pada bahagian tepi kitab *Bughyah al-Ṭullāb*. Manakala jilid kedua tidak pernah dicetak. Isi kandungannya membincangkan persoalan jualbeli dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya sebagai pokok perbincangan. Di samping itu juga diketengahkan hukum jenayah, jihad, qada, dakwa dan saksi.⁹⁷

49. *Kasf al-Ghummah fi Ahwāl al-Mautā fi al-Barzakh wa al-Qiyāmah* (1238H/1819M).

Kitab ini menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kematian dan yang bersangkutan dengannya seperti Malaikat, Hari Akhirat dan kehidupan selepas mati. Kitab ini adalah saduran dari karya-karya Jalāl al-

⁹⁴ Mohammad Zaini Yahya et al. (2001), "Penulisan Fiqh Syeikh Daud al-Fatani", *op.cit.*, hlm. 8-9.

⁹⁵ *Ibid.* hlm 5.

⁹⁶ *Ibid.* hlm 5; Joni Tamkin Borhan (2001), "Sumbangan Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dalam Fiqh Muamalah : Tumpuan Kepada Furu' al-Masa'il", *op.cit.*, hlm 5-6.

⁹⁷ Wan Mohd. Shaghir (1990), "Syeikh Daud b. Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara", *op.cit.*, hlm 70 dan 73.

Dīn al-Suyūṭī, *Syarḥ al-Ṣudūr* dan ‘Abd al-Wahhāb al-Sya’rānī, *Mukhtaṣar Tadhkirah al-Qurṭubī*.⁹⁸

50. *al-Musawwadah* (1234H).

Kitab ini belum pernah diterbitkan. Kandungannya menceritakan tentang maulid Nabi Muhammad s.a.w yang diselang seli dengan selawat dan salam ke atas baginda.⁹⁹

51. *Kanz al-Minan* (1240H/1840M).

Kitab ini merupakan kitab Taṣawwuf yang diterjemah dari kitab Bahasa Arab karya Syeikh Abū Madyan.¹⁰⁰

52. *Fath al-Mannān* (1249H/1833M).

Kitab ini merupakan kitab fiqh yang diterjemah dan dihurai oleh Syeikh Daud dari kitab *Matn al-Zuhad* karya Ibn Ruslān al-Dimasyqī.¹⁰¹

53. *Munyah al-Muṣallī* (1242H/1827M).

Kitab ini menjadi teks kajian penulis. Perbahasan dan *pentalqīqan* akan dibuat dalam bab ketiga. Perbahasannya mengenai bab sembahyang dan perkara-perkara yang berkaitan. Ianya sering digunakan dalam pengajian di Asia Tenggara.¹⁰²

1.7 PENUTUP

Jika dilihat kepada karya-karyanya yang terdiri dari pelbagai disiplin ilmu itu, maka tidak hairanlah beliau diberi gelaran *al-‘Ālim al-‘Allāmah al-‘Ārif al-Rabbānī*.

⁹⁸ *Ibid.* hlm. 74.

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ *Ibid.* hlm. 77-78.

¹⁰¹ *Ibid.* hlm. 84-85.

Sumbangannya terhadap perkembangan ilmu bukan sahaja di rantau Nusantara, malah berkembang di Timur Tengah seperti di Hijāz dan Mesir. Ini kerana hasil-hasil karyanya dicetak di Makkah dan Mesir. Pusaka penulisannya masih dapat dimanfaatkan hingga ke hari ini. Kitab-kitab seperti *Dur al-Thamīn*, *Kifāyah al-Muhtāj*, *Minhāj al-‘Ābidīn* dan *Munyah al-Muṣallī* ini masih dipelajari di pondok-pondok dan masjid-masjid dan juga dijadikan bahan rujukan oleh individu-individu tertentu seperti tuan-tuan guru, ustaz-ustaz dan mereka yang ingin mendalami ilmu agama.

Akhirnya dapatlah dikatakan bahawa Syeikh Daud adalah seorang ulama besar dan ahli Sufi yang terkenal di rantau Nusantara ini yang menguasai pelbagai bidang ilmu Islam, terutamanya dalam bidang Fiqh, Tauhid dan Tasawwuf. Ini terbukti berdasarkan karya-karyanya yang telah dinyatakan.

¹⁰² *Ibid.* hlm 78.